

UPM kaji penyakit pembunuhan kanak-kanak

Serdang: Penyakit Lower Respiratory Infection (LRI) atau jangkitan saluran pernafasan terhadap kanak-kanak antara penyebab utama 3.9 juta kanak-kanak berusia dua tahun dan ke bawah di seluruh dunia maut setiap tahun.

Menyedari hakikat itu, Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Fakulti Perubatan dan Kesihatannya akan menjalankan kajian mendalam bagi menangani gejala kronik yang disebabkan kuman bakteria berkenaan.

Pakar Perunding Kanak-Kanak merangkap Dekan fakulti berkenaan Profesor Dr Norlijah Othman berkata, ia berpunca dari pada jangkitan kuman penyebab penyakit 'pneumonokal' yang akhirnya mengakibatkan pesakit tidak berjaya diselamatkan.

"Penyakit hanya boleh disembuhkan melalui vaksin namun ia masih belum disenaraikan di bawah jadual imunisasi kanak-kanak di



DR Norlijah

negara ini.

"Bagi mengurangkan risiko pneumonokal usaha giat dengan kerjasama ramai pihak perlu terutama dalam bidang penyelidikan supaya strategi mantap dapat dijalankan," katanya ketika memberi penerangan kepada kakitangan fakulti itu, di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya akan menyampaikan maklumat itu menerusi pendidikan kesihatan dalam pelbagai peringkat supaya kadar kematian disebabkan LRI dapat dikurangkan.